

# **HUBUNGAN INDIVIDU, KONSEP DAN KEPENTINGAN KEPADA DAKWAH ISLAM**

Syed Abdurahman b. Hj. Syed Hussin  
Fakulti Usuluddin Akademi Islam  
Universiti Malaya

*The article tries to portray the manner of individual interaction in a Muslim community and the importance of strategy of action of an Islamic movement.*

## **Mukadimah:**

Komunikasi perorangan merupakan antara saluran paling penting dalam dakwah. Ia merupakan saluran pertama digunakan oleh para anbia dalam mengajak manusia beriman kepada Allah. Hubungan individu masih menjadi saluran terpenting hingga kini meskipun manusia telah mencipta berbagai alat komunikasi moden yang canggih.<sup>1</sup>

Hubungan individu yang akan dibicarakan dalam tulisan ini ialah hubungan individu dalam dakwah yang dilakukan oleh seorang anggota *jamaah*

---

<sup>1</sup>Dr. Imarah Najib Muhammad, Dalam Jurnal Universiti Islam Imam Muhammad b. Saud bil: 3 1980 "Hazahi Sabili dengan tajuk "Makanat al-Itisal al-Sakhsy Fi al-Islam Wa al-Da'wah, hal. 46.

dengan secara terancang melalui metode kerja yang jelas, mempunyai matlamat jangka panjang dan pendek serta tahap-tahap tertentu yang perlu dilalui. Hubungan individu yang dilakukan oleh seorang dengan kesedaran sendiri tanpa terancang dan terikat dengan *jamaah*, kesannya kesannya sedikit dan terbatas<sup>1</sup>

Dakwah melalui hubungan individu kurang diberi perhatian oleh *jamaah* Islam. Ini kerana aktiviti dakwah memerlukan kepada persediaan tersendiri yang unik.

Proses perhubungan individu melibatkan *Sakhsiyah* pendakwah, memerlukan masa yang panjang, kesabaran yang tinggi dan kesungguhan. Hubungan ini bukan setakat menyampaikan sesuatu maklumat kemudian meninggalkan sasarannya tanpa disusuli penjagaan. Hal ini perlu untuk mengetahui samada mereka dapat menerima atau tidak secara puashati maklumat disampaikan itu.

Cara ini lebih bersifat peribadi, menjadikan keberkesanannya mengatasi alat-alat media am. Pendakwah dalam hubungan individu terpaksa berurusan dengan sasarannya dalam sifat kekawanan, bermula dari pengenalan biasa hingga kepada persaudaraan Islam sejati, dan sentiasa memberi khidmat kepada sasarannya. Menghabiskan masa untuk mengenalinya, saling memahami, mengenali liku-liku di mana pendakwah mampu menawan hati dan perasaan sasaran itu.<sup>2</sup>

Berdasarkan keriteria di atas, hubungan individu dalam dakwah menjadi unik dan istimewa.

### Hubungan Individu Secara Umum

Hubungan individu secara umum boleh digambarkan sebagai proses yang berlaku antara dua pihak, pemberi dengan penerima maklumat dengan tujuan pihak pertama ingin mempengaruhi pihak kedua menerima maklumat yang disampaikan. Dengan itu kebanyakan pakar komunikasi barat dalam memberikan definisi hubungan individu ini, lebih menumpukan kepada semua proses yang berlaku antara pemberi peringatan dengan penerima.

---

<sup>1</sup>Abdullah Naseh Ulwan, *Baina al-'Amal al-Fardi wa al-Amal al-Jama'i*, cet. 1, Dar al-Salam Beirut, 1986, hal. 30.

<sup>2</sup>Dr. Ali Abdul Halim Mahmud, *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah*, cet. 1, Dar al-Wafa' Kaherah, 1992 hal. 45.

Kata Hofland, "hubungan ialah proses di mana seseorang individu memindahkan peringatan-peringatan, melalui supaya ia dapat mengubah perilaku penerima maklumat".<sup>1</sup>

Charles Morris mengatakan, "Sesungguhnya istilah perhubungan ketika kita gunakan dalam bentuk meluas, akan menyentuh segala keadaan yang berlaku di dalamnya kerjasama beberapa individu dalam sesuatu perkara tertentu".<sup>2</sup>

Kata George Landberg, "sesungguhnya perkataan "perhubungan" digunakan bagi menunjukkan kepada interaksi melalui tanda dan lambang-lambang. Lambang pula kadang-kadang berlaku dalam bentuk geraklaku atau gambar-gambar, atau bahasa, atau perkara lain yang digunakan sebagai penggera kepada perlakuan".<sup>3</sup>

Setengah pengkaji yang lain mengatakan bahawa pengertian perhubungan merangkumi segala proses di mana sebahagian manusia mempengaruhi sebahagian yang lain, bahkan lebih jauh dari itu ada yang berpendapat bahawa perhubungan merangkumi segala tindak balas samada yang berlaku di antara manusia atau kejadian lain selain darinya.

Takrif hubungan ini sampai ke peringkat ia semata-mata proses yang berlaku melalui interaksi di antara penyampai dan penerima, samada antara kejadian yang hidup atau manusia atau alat-alat.<sup>4</sup> Fokus penulisan ini ialah hubungan antara individu manusia dengan tumpuan utama kepada gerakan Islam.

Hubungan individu antara manusia ialah pertemuan secara berdepan di antara dua pihak dengan tujuan salah satu pihak ingin mempengaruhi pihak kedua melalui cara menceritakan sesuatu perkara, atau memperkenalkan sesuatu perkara atau mendedahkan sesuatu.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Dr. Mohd Imarah Najib, *op. cit.*, hal. 40.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 41.

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>*Ibid.*, hal. 40-41.

<sup>5</sup>*Ibid.*

Pertemuan secara bersemuka - samada secara hakiki atau maknawi - yang dapat berlaku dialog, memberi dan menerima di antara kedua pihak merupakan ciri asasi yang membezakan hubungan individu dari lain-lain hubungan.

### **Hubungan Individu Dalam Gerakan Islam**

Hubungan individu di dalam gerakan Islam merujuk kepada hubungan yang dilakukan oleh seorang anggota *jamaah* dengan anasir baru secara terancang, dan mempunyai tujuan iaitu mempengaruhi sasaran menerima *Fikrah* Islam seterusnya menggabungkan diri dalam jamaah untuk melakukan kerja-kerja Islam secara kolektif.

Fathi Yakan mengatakan, "maksud hubungan individu secara terus ialah setiap individu dari anggota pertubuhan melakukan kewajipan berinteraksi, mempunyai tujuan yang terarah dengan anasir-anasir baru dan cuba menarik mereka kepada *fikrah* lebih dahulu dan seterusnya kepada *harakah*".<sup>1</sup>

Dr. Ali Abdul Halim Mahmud mentakrifkan, "bergaul dengan orang ramai kemudian memilih seorang dari mereka untuk mengadakan ikatan perhubungan yang intim, kerana pendakwah dapat melihat ada padanya tanda-tanda dapat menerima kebaikan dan menerima *manhaj* Islam serta adab-adabnya".<sup>2</sup>

Prof. Syeikh `Abdullah Naseh `Ulwan pula mentakrifkan "seorang pendakwah dengan sifatnya sebagai seorang anggota dalam *jamaah* yang bekerja untuk Islam melakukan hubungan secara individu untuk mendapatkan anggota baru kepada *jamaahnya* dengan memperkenalkan dakwah Islam kepadanya seterusnya memasukkan mereka ke dalam *jamaah*".<sup>3</sup>

Dr. Imarah Najib menyatakan, "pertemuan secara bersemuka antara dua pihak dengan satu pihak ingin mempengaruhi yang lain melalui cara mencerita kepadanya sesuatu perkara, atau memperkenalkan atau

---

<sup>1</sup>*Kaifa Naid'u Ila al-Islam*, cet. IV, Muassasah al-Risalat, Beirut, 1980, hal. 31.

<sup>2</sup>*Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah*, hal. 25.

<sup>3</sup>*Baina al-'Amal al-Fardi Wa al-'Amal al-Jamai'*, hal. 24.

mendedahkan sesuatu.<sup>1</sup>

Dari takrif-takrif yang diberikan di atas, menjelaskan bahawa perhubungan individu di dalam dakwah adalah dilakukan oleh anggota *jamaah* dalam arti terikat dengan *jamaahnya*, mengikut *manhaj* yang terancang dan bertahap, bermula dari memperkenalkan Islam sehingga kepada menarik sasaran menjadi anggota di dalam *jamaah* untuk bekerja menegakkan Islam secara kolektif.

### Tuntutan Melaksanakan Dakwah

Islam sebagai risalah terakhir dari rantaian risalah Allah melalui rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah kepada manusia, telah membawa ciri kesejagatan, kesyumulan, kesempurnan dan mampu dilaksanakan oleh manusia pada setiap zaman dan tempat kerana selaras dengan *fitrah* manusia serta selari dengan peraturan alam yang ditetapkan oleh Allah.

Oleh kerana Islam merupakan risalah terakhir, tidak berakhir dengan kematian Nabi Muhammad s.a.w., maka tugas membawa risalah ini kepada seluruh manusia adalah terpikul di bahu penganut-penganut Islam sepanjang zaman.<sup>2</sup> Dengan itu para ulama bersepakat mengatakan bahawa meskipun tugas pelaksanaan dakwah pada asalnya ditujukan dalam bentuk perintah kepada peribadi Rasulullah s.a.w. sahaja, namun ia membawa arti merangkumi umat baginda kecuali dalam perkara-perkara yang dikhususkan untuknya sahaja, sedangkan dakwah tidak termasuk ke dalam perkara yang dikhususkan itu.<sup>3</sup>

Allah menjadikan umat ini sebagai umat dakwah, menetukan

---

<sup>1</sup>Dr. Imarah Najib, *op. cit.*, hal. 41.

<sup>2</sup>Banyak sekali ayat al-Quran yang ditujukan kepada Rasulullah menuntut baginda menyampaikan risalah kepada seluruh manusia, berdasarkan baginda pembawa risalah Allah yang akhir dan pendakwah pertama kepada risalah ini, yang menunjukkan pada zahirnya seolah-olah tugas dakwah itu hanya dituntut kepada baginda sahaja. Antaranya firman Allah dalam surah-surah dan ayat-ayat berikut: *al-Maidah* : 67, *al-Hajj* : 67 *al-Qasas*: 87, *al-Nahl*: 125, sedangkan pengertian sebenarnya adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh ulama seperti huraihan di atas.

<sup>3</sup>Dr. Abdul Karim Zaidan, *Usul al-Da'wah*, cet. III, 1976 dar al-Manar Baghdad, t.t. hal. 298.

kebaikan dan kejayaan umat ini di dunia dan akhirat terhenti di atas sejauhmana mereka memainkan peranan dakwah ke dalam diri sendiri dan orang lain, sehingga mereka benar-benar menjadi sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia semua. Di samping menjadi penyaksi kepada umat lain di dalam kebaikan dan kebenarannya. Allah berfirman bermaksud:

"Siapakah yang lebih baik kata-katanya dari mereka yang menyeru kepada Allah serta melakukan amal saleh (kerja-kerja kebajikan) sambil berkata "sesungguhnya aku dari kalangan orang-orang Islam (menyerah diri kepada Allah)." <sup>1</sup>

Dalam ayat lain Allah berfirman bermaksud:

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman dengan Allah (dengan sebenar-benar iman).<sup>2</sup>

Firman Allah bermaksud:

"Dan demikianlah (sebagaimana kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), kamijadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.<sup>3</sup>

Islam amat menggesa umatnya supaya melakukan tugas dakwah dan berinteraksi secara positif dengan manusia bukan setakat hubungan biasa, melalui kata-kata, tingkah laku dan perbuatan sebaliknya untuk membawa Islam sebagai risalah dan *hidayah* dan dapat mengeluarkan mereka dari kegelapan kufur kepada cahaya iman.

Baiknya diri seorang individu muslim itu belum dapat memaafkannya

---

<sup>1</sup>Ali 'Imran (3): 110.

<sup>2</sup>al-Baqarah (2): 42.

<sup>3</sup>al-Baqarah (2): 143.

di sisi Allah dari tugas membaiki manusia lain.<sup>1</sup> Dengan itu menjadi tanggung-jawab ke atas setiap muslim untuk benar-benar memahami bahawa peranan menyebarkan dakwah, memindahkan kefahaman Islam kepada manusia serta menentang kemungkaran adalah kewajipan syarak. Tanggungjawab perseorangan tidak gugur darinya dengan kerana ia menjadi anggota dalam sebuah *jamaah* Islam yang melaksanakan tugas-tugas kolektif dalam *jamaah* tersebut.

Para ulama mutaakkhirin di dalam masalah hukum berdakwah lebih cenderung kepada fardu Ain, terutamanya dalam suasana kini.<sup>2</sup> Dr. Muhammad Said Ramaddan al-Buti mengatakan, "peranan berdakwah kepada Islam dahulunya adalah di antara fardu Kifayah adapun hari ini, segala kemudahan keduniaan yang terdiri dari harta, tenaga, wanita dan pemikiran telah digembelingkan untuk menyekat jalan-jalan Allah, dan dari sampai kepada keredaan-Nya, maka dengan itu peranan dakwah Islam menjadi satu fardu Ain di antara fardu-fardu Ain yang lain. Dituntut dari setiap muslim dengan Allah dan dengan Islamnya. Tuntutan ini tidak lagi dikira terbatas kepada segelintir umat walau bagaimana pun kedudukan dan kepentingannya."<sup>3</sup>

Banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah yang menuntut setiap individu supaya melakukan tugas dakwah tersebut.

Firman Allah bermaksud:

"Siapakah yang lebih baik kata-katanya dari mereka yang menyeru kepada Allah melakukan amal Saleh (kerja-kerja kebajikan). Sambil berkata "sesungguhnya aku dari kalangan

---

<sup>1</sup>Fathi Yakan, *op.cit.*, hal. 25.

<sup>2</sup>Lihat pendapat-pendapat Dr. Abul Karim Zaidan dalam. *Usul al-Da'wah*, hal. 299 - 300. Syeikh Mahmud al-Sawaf dalam *min al-Quran wa Ha al-Quran al-Da'wah wa al-Duat*, hal. 25. fathi Yakan, *Kaifa Nadu Ha al-Islam*, hal. 15 & 16. Dr. Yusoff al-Qaradawi dalam *Aina al-Khalal* terjemahan Fakhruddin Abdul Mukti "dimanakah kepincangan hal. 94 dan Abdul-lah Naseh Ulwan dalam "Wajub al-Da'wah Ha Allah, hal.

<sup>3</sup>Dr. Mohd Said Ramadhan al-Buti, *Hakaza Falnada` Ha al-Islam*, cet. II Maktabah al-Farabi, Damasyik t.t. hal. 5.

orang-orang Islam (menyerah diri kepada Allah).<sup>1</sup>

"Katakanlah (wahai Muhammad) "inilah jalanku aku dan orang-orang yang menurutku' menyeru manusia umum kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas, dan aku menegaskan "Maha Suci Allah (dari segala i'tikad dan perbuatan syirik), dan bukanlah aku dari golongan yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain".<sup>2</sup>

"Serulah kejalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah, kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih baik mengetahui akan orang-orang yang sesat dari jalannya, dan dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat pertunjuk.<sup>3</sup>

"Dan Serulah (Wahai Muhammad s.a.w.) umat manusia kepada agama tuhan mu, kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan lurus."<sup>4</sup>

Maksud ayat-ayat di atas menunjukkan dengan jelas tuntutan melakukan interaksi dengan manusia untuk menyampaikan risalah Allah.

Berhubung dengan perkara tersebut Rasulullah bersabda, maksudnya:

"Sesiapa menunjukkan satu kebaikan (kepada orang lain) maka baginya pahala yang sama dengan orang yang melakukan kebaikan (kerana tunjuk ajarnya)".<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>*Fussilit* (41): 33.

<sup>2</sup>*Yusoff* (13): 108.

<sup>3</sup>*al-Syura* (42): 102.

<sup>4</sup>*al-Nahl* (16): 125.

<sup>5</sup>*Sahih Muslim*: Kitab "al-Imarah" Bab: Fadl lanat al-Ghazi fi Sabilillah Bi Markub wa Ghairih Wa Khilafatu fi Ahl ihhi Bikhair. No Hadis: 1893. Cetak. Dar al-Ifta' Saudi Arabia 1980.

"Sesiapa menyeru kepada satu pertunjuk maka baginya pahala sama seperti pahala orang yang mengikuti pertunjuknya tidak dikurangkan pahala tersebut walaupun sedikit. Sesiapa yang menyeru kepada kesesatan, maka baginya dosa sama seperti dosa orang yang mengikuti perbuatan berdosa itu tanpa dikurangkan sedikit pun ganjaran dosanya."<sup>1</sup>

"Agama itu nasihat "kami bertanya", bagi siapa? Jawab Rasulullah, bagi Allah, bagi Rasulnya, bagi kitabnya dan bagi seluruh Imam-imam umat Islam dan orang ramai.<sup>2</sup>

"Persampaikanlah dariku walaupun satu ayat, dan riwayatkanlah dari Bani Israel tanpa rasa susah, dan sesiapa yang mendustakan ke atasku secara sengaja maka ia telah menyediakan tempat tinggalnya di neraka."<sup>3</sup>

"Aku telah mengikat janji setia (*mubayaah*) dengan Rasulullah untuk mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan memberi nasihat kepada setiap muslim,<sup>4</sup> dan

"Sesiapa di antara kamu yang melihat satu kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya tidak berupaya, maka dengan lidah, jika tidak berupaya dengan lidah maka dengan hatinya, dan mengubah dengan hati itu adalah tanda selemah-lemah Iman."<sup>5</sup>

Kesemua hadis di atas menjelaskan tuntutan Islam ke atas setiap mukmin, supaya menjadi ejen perubahan ke arah kebaikan *hakiki* melalui tunjuk ajar, nasihat. Semuanya memerlukan interaksi dan hubungan yang terancang dan terarah. Di samping memberi peringatan supaya jangan menjadi penyebab kepada manusia lain melakukan dosa.

---

<sup>1</sup>Ibid., Kitab "al-Ilm" bab: Man Sanna Sunnatan Hasanah aw sayyiah, No Hadis: 2674.

<sup>2</sup>Ibid., Kitab "al-Iman" Bab: Bayan an al-Din al-Nasihah" no Hadis: 50.

<sup>3</sup>Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari* J. VI, Dar al-Fikr 1979, hal. 496.

<sup>4</sup>Ibid., Kitab "al-Iman" Bab, Bayan an al-'Din al-Nasihah, no. Hadis 56.

<sup>5</sup>Ibid Kitab "al-Iman" Bab Kaun al-Nahyi an al-Munkar min al-Iman "hadis no 49.

## **KEISTIMEWAAN HUBUNGAN INDIVIDU**

Pakar di bidang komunikasi bersepakat bahawa hubungan individu secara umum merupakan bentuk kegiatan manusia yang pertama berlaku, kemudian ruang lingkup hubungan ini semakin berkembang meluas mengikut perkembangan hidup manusia. Hal ini diakui kerana penyampaian wahyu merupakan gambaran pertama perhubungan di dalam kehidupan manusia. Allah mewahyukan kepada Adam a.s. ilmu. Dengannya Adam dapat mengenali nama-nama benda, mempelajari bagaimana melakukan interaksi dengan segala benda yang berada di sekelilingnya, hingga kehidupan menjadi teratur dan lurus seterusnya menghasilkan keamanan dan petunjuk. Allah menceritakan perkara ini dalam ayat 31, 32, 37 dan 38 dari *al-Baqarah*.

Bentuk perhubungan makin meluas dengan Adam dan Hawa melahirkan zuriat. Allah menceritakan sedikit dari dailog yang berlaku antara dua anak Adam dalam ayat 27-30 dari Surah al-Maidah. Surah tersebut menggambarkan hubungan individu.

Meskipun manusia mengalami kemajuan yang pesat dalam mencipta berbagai alat keperluan, termasuk alat perhubungan yang canggih, namun hubungan individu sebagai *wasilah* pertama dan asasi dalam dakwah serta penyebaran maklumat, masih lagi kekal sebagai alat perhubungan paling utama. Ini menjelaskan bahawa hubungan individu mempunyai keistimewaan seperti

- i. Keupayaan melakukan perbincangan antara dua pihak, penghantar dan penerima maklumat samada secara berdepan atau dalam pengertian *maknawi* iaitu perhubungan antara dua pihak yang bersetentangan tetapi dalam jarak jauh dengan menggunakan alat yang tidak menghalang mereka dari melakukan proses dailog untuk menghasilkan kepuasan, seperti mikrofon atau talipon atau komputer.

Dengan itu maka pakar komunikasi mengatakan bahawa kemampuan mengadakan dailog secara terus samada dengan menggunakan perantaraan atau tidak merupakan ciri utama yang mengistimewakan hubungan individu.

- ii. Keupayaan menghasilkan tujuan perhubungan dalam jarak yang amat jauh berbanding keupayaan saluran-saluran lain dise-

babkan adanya keupayaan memberikan kepuasan.<sup>1</sup>

- iii. Adanya kebebasan yang cukup bagi kedua pihak dalam berosal jawab, dalam merasa kepuasan atau dalam menolak pendapat, sedangkan alat perhubungan am lebih berbentuk memaksa penerima dari berbagai sudut seperti gaya penyampaian serta bentuk isi penyampaian.<sup>2</sup>
- iv. Mampu menjaga keperluan penerima maklumat dan jenis pengetahuan serta bentuk maklumat yang diperlukan.<sup>3</sup>
- v. Hubungan individu boleh berlaku secara tidak terancang dan bersifat Anjal (*Flexible*), dan boleh berlaku beberapa kali dalam sehari. Ia berlaku tanpa memerlukan sumbangan tenaga dan persediaan kerana kadang-kadang sewaktu sedang bekerja, ketika rehat, dalam perjalanan, berbincang dengan kawan-kawan dan lain-lain. Disamping berupaya diikuti oleh setiap orang samada berilmu atau tidak, yang menulis atau buta huruf dan lain-lain.<sup>4</sup>
- vi. Ia boleh berlaku secara berterusan walaupun dalam keadaan orang ramai menghadapi tekanan atau disekat kebebasan berhimpun (rapat-rapat umum).<sup>5</sup>

Kata Jihan Rashti "berbeza perhubungan secara bersemuka berbanding dengan perantaraan saluran media massa dengan beberapa keistimewaan berbentuk Saikologi, kerana perhubungan individu berlaku dalam bentuk otomatis dan tidak dimaksudkan, sebagaimana juga ianya lebih bersifat anjal, ketika menghadapi tentangan dari pihak penerima maklumat, kerana kesan yang akan dihasilkan dari perhubungan ini adalah besar. Hubungan ini boleh berlaku atas asas peribadi lebih banyak dari hubungan yang berlaku dengan perantaraan

---

<sup>1</sup>Lihat Dr. Imarah Najib, *op.cit.*, hal. 141 Abd al-Bade' Saqr, *op.cit.*, hal. 17.

<sup>2</sup>*Ibid.*

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>Abd al-Bade' Saqr, *op.cit.*, hal. 16.

<sup>5</sup>Abdullah Naseh Ulwan, *op.cit.*, hal. 38; Fathi Yakan, *op.cit.*, hal. 37.

alat media massa.<sup>1</sup>

## Kepentingan Alat Komunikasi

Berdasarkan keistimewaan yang ada pada hubungan individu pakar-pakar komunikasi telah membuat kesimpulan bahawa kepentingan setiap alat perhubungan akan dinilai berdasarkan dekat atau jauhnya alat tersebut dengan ciri-ciri yang ada pada hubungan individu. Sekiranya satu-satu alat perhubungan lebih banyak memiliki ciri-ciri yang ada pada hubungan individu, alat itu menjadi lebih penting dan lebih mampu mempengaruhi sasaran.

Kata Dr. Ibrahim Imam; "Sekiranya hubungan individu mempunyai keistimewaan, kerana mampu mengubah tajuk perbincangan berdasarkan reaksi penerima, maka proses komunikasi melalui alat-alat perhubungan am tidak memiliki keistimewaan tersebut.

Oleh itu alat-alat ini cuba menggantikan keistimewaan tersebut dengan kajian-kajian yang dijalankan ke atas kecenderungan serta arah pemikiran orang ramai. Ia juga mengambil berat untuk menganalisa surat-surat pendengar, penonton dan pembaca, memberikan perhatian kepada kritikan-kritikan yang disiarkan oleh akhbar."<sup>2</sup>

Televisyen merupakan alat perhubungan am yang paling penting mengikut pandangan mereka. Ia merupakan alat yang lebih hampir dengan hubungan secara bersemuka. Sebab ia menggabungkan pandangan, suara, pergerakan dan warna.

Diikuti oleh radio, yang lebih mendekati hubungan individu berbanding alat-alat lain. Setengah penulis beranggapan bahawa radio adalah antara alat perhubungan yang paling berupaya menjadikan orang ramai terasa memberi sumbangan sama serta penghampiran diri (secara sebenar) yang menyerupai hubungan individu. Ini disebabkan radio merupakan alat perhubungan am yang paling mudah digunakan. Dalam setengah masyarakat di barat radio dijadikan sebagai sumber yang menyediakan hiburan kepada individu lebih dari untuk sesuatu tujuan penting.

Bahan bercetak pula lebih jauh jaraknya dengan hubungan individu

---

<sup>1</sup>Dr. Imarah Najib, *op.cit.*, hal. 47.

<sup>2</sup>Dr. Ibrahim Imam, "*al-Ilam wa al-Ittisal bi al-Jamahir*" hal. 28.

berbanding alat-alat perhubungan di atas. Berdasarkan itu kekesanannya lebih berkurangan meskipun merupakan antara saluran media massa dan dakwah yang mendahului radio, televisyen dan pawagam lebih dari dua ratus tahun.<sup>1</sup>

Dalam satu kajian yang dibuat oleh seorang pengkaji Amerika untuk Roservelt dan beberapa orang kawannya bagi kempen pilihanraya 1940 di daerah Abri dalam Wilayah Ohio Amerika, mereka perhatikan bahawa kesan peribadi yang semulajadi (*Tabi'i*) atau secara tidak dirancang lebih berkesan dari radio. Radio pula lebih berkesan dari bahan-bahan bercetak. Para pengkaji memberikan berbagai ulasan kepada fenomena ini. Kebanyakan ulasan itu tertumpu kepada menghuraikan tingkat sumbangan orang ramai secara peribadi sebagai pihak penghubung. Mereka menyimpulkan bahawa sumbangan akan sampai ke tingkat paling tinggi dalam bentuk hubungan individu, akan berkurangan sedikit sekiranya melalui radio, dan akan berkurangan dengan banyak sekiranya dalam bentuk bacaan. Dari sini pengarang buku "Asas-asas Ilmiah Kepada Teori Penyiaran" mengatakan bahawa boleh jadi televisyen lebih banyak kesannya dari radio dan lebih sedikit berbanding hubungan individu.<sup>2</sup>

### **Keistimewaan Hubungan Individu Dalam Islam**

Huraian di atas menjelaskan pandangan yang dibuat oleh pakar-pakar media massa dan Komunikasi pada zaman modern, merangkumi semua bentuk hubungan individu ia menunjukkan keistimewaan perhubungan individu berbanding alat-alat komunikasi am. Tetapi hubungan individu dalam Islam mempunyai keistimewaan yang lebih banyak berbanding dengan mana-mana sistem, aliran pemikiran bahkan agama-agama lain.

Kelebihan Islam adalah disebabkan Islam mengambil berat kepada hubungan begini sehingga meletakkan kaedah-kaedah, asas, cara dan sebab yang boleh menghasilkan perkara-perkara berikut:

- i. Kesediaan setiap muslim untuk menjadi alat perhubungan yang berkesan dan mempengaruhi melalui tingkah lakunya terlebih dahulu, sehingga seorang muslim yang sebenarnya merupakan alat yang menjamin Kekesanan ketika ia beriltizam dengan perlaku dan sistem Islam walaupun ia tidak bercakap.

---

<sup>1</sup>Dr. Mohd. Imarah Najib, *op.cit.*, hal. 52.

<sup>2</sup>*Ibid.*

- ii. Islam menghidangkan gambaran lengkap tentang peribadi sasaran dakwah di mana ia telah mengklasifikasikan manusia kepada muslim dan kuffar. Kemudian mengkategorikan yang kafir kepada Ahli Kitab, penyembah berhala serta *mulhid*. Dibahagikan pula Ahli Kitab, kepada *Zimmi* dan *muhib* (yang diperangi). Begitu juga Islam telah mengkategorikan muslim kepada *amlin* (yang bekerja untuk Islam), *usat* (yang melakukan dosa terhadap Allah) dan *munafiq*, sehingga seorang muslim berupaya bercakap dengan setiap kumpulan tersebut melalui perkara yang selaras dengan keperluan mereka.
- iii. Sekiranya perhubungan merupakan proses memindahkan pemikiran, maklumat dan perasaan antara individu serta kumpulan-kumpulan, maka kesungguhan seorang muslim dalam menjaga kepentingan penerima dakwahnya menjadikanya satu model saling memahami, di mana ia berupaya menggerakkan *fitrah* kemanusiaan serta menjawab semua persoalan-persoalan *fitrah* dengan cara selaras dengan *hikmah*, nasihat yang baik serta berbahas dengan cara yang lebih baik yang boleh membawa kepada meluasnya unsur-unsur perhubungan peribadi serta meluasnya peranan memberi dan merasa kepuasan.
- iv. Sekiranya semua sistem tidak berupaya mengadakan satu peraturan yang boleh menghasilkan tujuan dari perhubungan iaitu berterusannya rasā puas dengan maklumat atau pemikiran yang diberikan, sehingga mereka berpendapat bahawa mengawal *fikrah* yang mereka sebarkan berhajat kepada usaha yang lebih banyak dari proses memberi kepuasan itu sendiri. Mereka menyakini bahawa *fikrah* yang diberikannya tidak mampu bertahan dihadapan proses pemikiran baru. Sedangkan pemikiran Islam pula apabila di imani oleh seseorang, maka ia akan menjadi tetap teguh, mengawal penganutnya, menentang segala proses pencacatan dan peraguan. Seseorang yang beriman dengan Islam akan berubah menjadi alat bagi mengawal orang lain menentang pencacatan dan peraguan sekiranya orang itu memeluk Islam melalui muslim itu.
- v. Islam benar-benar mengambil berat untuk membebaskan dakwah dan penyiaran dari semua saluran yang berbentuk menekan dan memaksa. Kesungguhan ini tidak akan terhasil kecuali melalui hubungan individu serta kerjasama lain-lain alat dengan saluran

ini.<sup>1</sup>

Keistimewaan hubungan individu di dalam *jamaah* boleh dibahagikan kepada tiga:

- i. Keistimewaan hubungan individu kepada dakwah
- ii. Keistimewaan hubungan individu kepada pendakwah
- iii. Keistimewaan hubungan individu kepada sasaran dakwah.

### **Keistimewaan Hubungan Individu Kepada Dakwah**

Sekali imbas ternyata bahawa dakwah secara individu memberi kesan yang lambat dan penghasilanya pula sedikit. Namun, kadang-kadang dakwah secara individu memberi kesan yang lebih kuat dan cepat serta mampu bertahan lebih lama, sehingga dengan itu ia terus menjadi asas kejayaan dalam jangka masa yang panjang. Mereka yang saling memahami pada peringkat individu, saling mempercayai sentiasa menjadi paksi dakwah. Mereka menjadi alat yang berkesan dalam setiap gerakan pengislahan yang lahir di sepanjang kurun, seperti pengikut nabi-nabi serta murid-murid kepada pemimpin *Islah*. Alangkah tepatnya kalau dikatakan bahawa dakwah individu sebagai asas yang dibangunkan di atasnya binaan, meskipun ia bahagian yang tertanam di dalam bumi dan dakwah umum pula seperti binaan itu sendiri dalam kekesannya, kedua-duanya saling memerlukan.<sup>2</sup>

Kalau diteliti cara dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah didapati bahawa baginda memulakan usaha dakwahnya dalam bentuk rahsia, terutamanya dalam tiga tahun pertama,<sup>3</sup> melalui hubungan individu. Baginda mendatangi individu-individu yang hampir dengannya dan mereka yang terdapat padanya tanda mudah menerima kebaikan, sehinggalah Umar b. al-Khattab serta Hamzah b. Abd al-Muttalib memeluk Islam dan sebutan tentang Islam merebak di kalangan orang-orang Quraisy diikuti dengan turunnya perintah Allah

---

<sup>1</sup>Ibid., hal. 49 - 50.

<sup>2</sup>Abdul Bade' Saqr, *op.cit.*, hal. 18.

<sup>3</sup>Ibnu Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiah*, hal. 262 cetakan turath Islam t.t.

yang memerintahkan baginda menyampaikan dakwah secara terang<sup>1</sup>, serta memberi peringatan kepada kaum kerabatnya<sup>2</sup>. Lalu bermulalah dakwah secara nyata.

Antara kepositifan hubungan individu kepada gerakan dakwah ialah:

#### i. Memperdalamkan Kefahaman Dakwah Secara Umum

Sekiranya *fiqh* dakwah kepada Allah ialah memperdalam dan memantapkan kefahaman tentang sejarah dakwah, sebab-sebabnya, rukun-rukunnya, tujuannya, cara-cara (saluran) dan hasilnya dengan kefahaman mendalam, meluas dan mantap yang memungkinkan pendakwah membentangkan dakwah kepada sasarannya dengan cara terbaik, sesuai dengan sasaran yang berada dalam berbagai lingkuhgan, berbagai bangsa, berlainan adat dan bahasa, maka kegiatan dakwah amali melalui hubungan individu akan menolak pendakwah mempelajari semua keperluan yang disebut.<sup>3</sup>

Apabila semua anggota *jamaah* melakukan hubungan individu dan memperlengkapkan diri untuk tujuan tersebut, dengan sendirinya *kualiti jamaah* serta kekuatan dan keberkesanannya meningkat hasil dari peningkatan ilmu dan gerak kerja setiap anggotanya.

#### ii. Menulinkan Konsep Dakwah

Di maksudkan dengan ketulinan ialah mengembalikan segala konsep dakwah kepada dasarnya dari kitab Allah dan Sunnah Rasul Nya s.a.w. untuk menegakkan dalil bahawa sesungguhnya dakwah kepada Allah samada individu atau *jamaah*, samada khusus atau umum adalah dibangunkan di atas asas yang kukuh dari perkara-perkara yang diwahyukan oleh Allah kepada rasul Nya.

Pelaksanaan dakwah individu melahirkan ketulinan kepada pemahaman tentang dakwah terhadap Allah dengan mengembalikan setiap konsep dari dakwah kepada al-Quran. Interaksi melalui dakwah individu

---

<sup>1</sup>*Surah al-Hijr* (14): 94.

<sup>2</sup>*Surah al-Syura* (42): 14.

<sup>3</sup>Lihat dengan lebih terperinci dalam buku Dr. `Ali `Abd. al-Halim Mahmud, *Fiqh al-Da`wah al-Fardiyah*, hal. 325-331.

perlu menyediakan diri memahami Islam dengan sebaik-baiknya, terutamanya nas-nas al-Quran tentang segala konsep Islam yang hendak diterang dan dibawa kepada sasaran sehingga dengan itu membantu *jamaah* Islam dalam meningkatkan kefahaman anggota-anggota serta menulinkannya.<sup>1</sup>

- iii. Dapat menghapuskan segala kekeliruan dan rekaan jahat yang dibangkitkan terhadap Islam dan dakwah. Dapat menjelaskan banyak kekeliruan serta tuduhan-tuduhan jahat yang dibuat oleh musuh-musuh Islam, kerana pendakwah dapat mengetahui tindakan buruk itu.

Menjadi kewajipan pendakwah mempertahankan agama dan dakwahnya bagi menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan sebagai pendekatan diri kepada Allah.

- iv. Dapat mengelakkan *jamaah* dari tekanan politik atau lain-lain juga sebagai pintu keluar kepada sekatan yang kadang-kadang dilakukan oleh pemerintah kerana ia merupakan percakapan jiwa ke jiwa antara seorang mukmin dengan sasaran dakwahnya. Bahkan dakwah individu, walau dalam keadaan bagaimanapun tidak menjadi kemerbahayaan kepada pemerintah atau politik atau perubahan kemasyarakatan mengikut pandangan golongan tidak beragama.<sup>2</sup>
- v. Menjadikan kerja-kerja *jamaah* menyeluruh dan tidak terbatas kepada beberapa individu *jamaah* yang menjadi pimpinan serta melakukan tugas-tugas utama sahaja, sebaliknya semua anggota melaksanakan peranan produksi dalam batas-batas kemampuan mereka. Keadaan ini akan mengubah *jamaah* menjadi sel-sel yang bekerja di mana setiap individu berusaha memberikan hasil sumbangan dan tidak ada ruang untuk rehat serta malas.<sup>3</sup>

#### **Keistimewaan Kepada Pendakwah:**

Hubungan individu dalam dakwah tidak sahaja memberikan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, hal. 232 - 233.

<sup>2</sup> Abdullah Nasih `Ulwan, *op.cit.*, hal. 37.

<sup>3</sup> Fathi Yakan, *op.cit.*, hal. 36.

keistimewaan kepada dakwah, sebaliknya di sana terdapat beberapa keistimewaan bagi pendakwah:

- i. Tidak akan berlaku percanggahan pendapat, perpecahan serta saling membenci antara pendakwah dengan sasaran dan pendakwah dengan pendakwah serta pendakwah dengan pimpinan gerakan. Kerana fenomena kasih sayang dan saling mempercayai berlaku secara timbal balik. Begitu juga ikatan *wala'* serta janji setia adalah kukuh.<sup>1</sup>
  - ii. Dakwah secara individu amat mudah dan senang berlaku. Ia mampu dilakukan oleh pendakwah di mana-mana sahaja, tanpa perlu dirancang serta mampu diikuti oleh setiap jenis sasaran. Ia juga boleh menjadi medan terbaik untuk latihan serta untuk memilih orang yang mempunyai potensi bagi memasuki medan yang lebih besar.<sup>2</sup>
  - iii. Memberi peluang kepada pendakwah untuk mengenali unsur-unsur yang hendak ditarik kepada dakwahnya dan menyampaikan *fikrah Islam* dengan mantap, di samping membolehkannya mengetahui keadaan sasaran dan permasalahan mereka seterusnya memudahkannya melakukan proses penelitian, pengarahan dan penyelesaian.<sup>3</sup>
  - iv. Pendakwah bergerak di medan dakwah dengan tuntutan dan dorongan keikhlasan dirinya sendiri, samada ketika ia berkerja secara borseorangan, atau bersama orang lain.<sup>4</sup>
  - v. Dapat mengembangkan dua faedah besar kepada jamaah, mengembangkan *jamaah* dari sudut *kuantiti* dengan bertambahnya bilangan mereka yang berkerja untuk Islam, serta mengembangkan jamaah dari sudut *kualiti* agar bertambahnya kesedaran Islam serta iltizam dengan *manhaj Islam*. Pengembangan dalam dua perkara ini
- 

<sup>1</sup> Abdullah Nasih U'lwan: *op.cit.*, hal. 37.

<sup>2</sup> Abdul Bade' Saqr, *op.cit.*, hal. 17; Fathi Yakan *op.cit.*, hal. 36.

<sup>3</sup> Fathi Yakan, *op.cit.*, hal. 36.

<sup>4</sup> Abdullah Nasih 'Ulwan, *op.cit.*, hal. 37 dan 38.

(*kuantiti* dan *kualiti*) dituntut dari pendakwah serta perlu dalam penerusan kerja-kerja Islam untuk sampai kematlamatnya. Kerja-kerja Islam sentiasa memerlukan kepada individu-individu baru yang bergabung dengannya serta menerima agama dan beragama, yang memahami kewajipan terhadap diri dan agama mereka. Memahami agama ini serta berkerja mengikut *manhajnya*, menentang setiap yang ingin memperdayakannya dengan penentangan yang didasarkan kepada ilmu, kajian dan pembacaan untuk menolak kekeliruan dan pembohongan, menghapuskan halangan dan membentangkan Islam kepada orang ramai dalam gambarannya yang sebenar yang berupaya mengiringi tuntutan kemanusiaan di setiap masa dan tempat.

Itulah dia pengembangan *kuantiti* dan *kualiti* kepada *jamaah*. Dengannya pendakwah mendapat kebaikan yang banyak untuk dirinya. Serta dakwahya. Pendakwah dapat melahirkan sasaran yang berkemampuan untuk kerja-kerja dakwah hasil dari didikannya.<sup>1</sup>

- vi. Mendalamnya kefahaman pendakwah tentang urusan-urusan pendakwahan kerana *fiqh* (kefahaman mendalam) tidak akan berhasil kecuali selepas melakukan kerjanya dan mengalami kesusaahan, kesungguhan dan kesabaran. Kerja-kerja pendakwahan memerlukan kepada ilmu dan pengetahuan yang lengkap tentang peringakt-peringkat dakwah, bermula dari *tamhid* (pendahuluan) kepada *ta'rif* (pengenalan) kepada *takwin* (pembentukan) kepada *tanfiz* (pelaksanaan) dan *tamkin* (penetapan serta pengukuhan). Para pendakwah dikehendaki mengetahui:
  - a. Mengenali *marhalah* serta mengetahui batas-batas dan ruang lingkupnya.
  - b. Mengenali *tabi'at marhalah* serta tuntutannya.
  - c. *marhalah* serta saluran untuk menghasilkannya
  - d. Hukum-hukum syariat dalam melakukan kerja di setiap *marhalah*.
  - e. Program *marhalah* serta kandungannya dari sudut teori,

---

<sup>1</sup>Dr. Ali al-Halim Mahmud, *op.cit.*, hal. 311-314.

praktik, latihan dan penilaian.

f. Jangka masa bagi setiap *marhalah* serta kerja di dalamnya.

Selain dari itu pendakwah juga dituntut menjadi model kepada sasaran, dalam banyak perkara yang berkaitan dengan kefahaman Islam serta kerja-kerja keislaman. Ia mesti menjadi guru (*mua'lim*) pendidik (*murabbi*), (*mursyid*) dan Syeikh kepada murid dalam disiplin *tasawwuf* untuk membersihkan kerohanian *mad'u* (sasaran).

vii. Membolehkannya untuk *Taurith* dan *tarsyih*

*Taurith* bermaksudkan menyampaikan ilmu, kepandaian, kepakaran dan lain-lain-lain yang dimiliki pendakwah kepada sasaran melalui dakwah individu. Ia berkait rapat dengan keupayaan pendakwah memberi contoh teladan yang baik. Dengan pewarisan ia dapat memberi faedah kepada dirinya, kerana ia menggambarkan bahawa sasaran sentiasa melihat kepadanya sebagaimana anak melihat kepada bapanya dan guru kepada muridnya, yang menjadi kewajipannya untuk iltizam dengan tingkat akhlak yang tertinggi dan tingkah laku yang maju, sebagaimana menjadi kewajipan ke atasnya menghasilkan ilmu pengetahuan pada tahap yang melayakkannya menjadi pendidik yang sentiasa disoal pelajar dengan masalah-masalah dan penafsiran mengenai urusan agama dan dunia.

Pengertian *tarsyih* pula ialah memberi jaminan perakuan terhadap *mad'u* kerana adanya kelayakan kepada beliau untuk melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan dakwah. *Tarsyih* ini diibaratkan sebagai *wathiqah* kepada sasaran dakwah untuk menerima kerja-kerja dakwah ke jalan Allah.<sup>1</sup>

### Hasil Dakwah Individu Kepada Sasaran

Dakwah individu melihat kepada sasaran sebagai paksi kegiatannya, bahkan ia menjadi fokus perhatian utama pendakwah serta inti kepada dakwah individu. Dengan itu pendakwah memberi seluruh perhatian, tenaga, dan kepakaran untuk memikat dan mendidik sasaran dakwahnya dengan didikan menyeluruh, menyentuh perkara yang berkaitan dengan pengajaran (*taujih*), perancangan, (*takhtat*), penyelarasian (*tansiq*), pengkelasan kerja (*tauzif*), *Tarsyih* dan *Taurith*, untuk mengislahkan sasaran dengan memindahkannya dari satu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik dan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, hal. 318 - 322.

lebih diredayai oleh Allah.

Di antara hasil dakwah individu kepada sasarananya ialah:-

- i. Membersih dan meningkatkan kemampuan roh, akal dan akhlak melalui *tarbiyah kerohanian*, *tarbiyah aqliyah* dan *tarbiyah akhlakiyah* yang dijelmakan melalui *qudwah*.

Pendampingan sasaran dengan pendakwah dalam hubungan individu akan membawa peningkatan dalam bidang-bidang di atas untuk membentuk sasaran menjadi individu *jamaah* yang bekerja untuk Islam dengan penuh kesedaran, keyakinan dan keikhlasan.<sup>1</sup>

- ii. Meningkatkan kerja individu serta iltizam dan *Intima'* kepada dakwah dari amalan hati, lidah dan anggota di mana hati terselamat dari berbagai sifat *mazmumah* (keji) yang dilarang agama begitu juga lidah dan anggota lain melalui didikan pendakwah.<sup>2</sup>
- iii. Meningkatkan kefahaman, kedalaman dan pelaksanaan kepada kerja-kerja Islam yang berbentuk *I'tiqad*, ibadat dan amalan-amalan lain. Peningkatan ini berlaku hasil hubungan dan penanaman dakwah serta tanggungjawab terhadapnya oleh pendakwah. Dengan matlamat sasaran akan menjadi pendakwah membawa Islam dengan *basirah*, berani, sabar dan kental hasil kefahaman mendalam dan ibadat yang sentiasa ditingkat.<sup>3</sup>

### Kesimpulan:

Dari seluruh perbincangan yang lalu jelas kepada pembaca betapa pentingnya hubungan individu di dalam menjayakan dakwah Islam oleh gerakan dakwah. Kepentingannya perlu dirasai oleh gerakan Islam demi menyediakan anggotanya untuk melakukan interaksi secara individu selepas diberikan persediaan yang cukup untuk tujuan itu. Banyak keistimewaan yang ada dalam hubungan ini yang boleh membantu mempercepatkan proses hubungan secara umum bagi mencapai matlamat dakwah. Dengan itu ia tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana gerakan Islam.

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, hal. 279 - 288.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Ibid.*